



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

GARIS PANDUAN DOKUMENTASI PERSARAAN BERSERTA CONTOH KUIRI

BAHAGIAN PENCEN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
2024

ISI KANDUNGAN

01

PANDUAN DOKUMENTASI PERSARAAN :
BUKU PERKHIDMATAN KERAJAAN

M/S 3 - 21

02

PANDUAN DOKUMENTASI PERSARAAN :
KENYATAAN CUTI

M/S 22 - 30

03

PANDUAN PENYEDIAAN DOKUMEN SOKONGAN

M/S 31 - 42

04

CONTOH - CONTOH KUIRI

M/S 43 - 81

05

RUJUKAN

M/S 82 - 84

1

PANDUAN DOKUMENTASI PERSARAAN

**BUKU PERKHIDMATAN
KERAJAAN**

1.1 TARIKH LAHIR

CONTOH :

2

Nama Pegawai.....

Nombor Jabatan

Tempat dan Tarikh Dilahirkan KUALA TERENGGANU T/L: 13-02-1964

Agama

Nombor Sijil Kerakyatan Persekutuan dan Tarikh

Nombor Kad Pengenalan

Nombor Kumpulan Wang Jaminan Diri Pegawai Kerajaan

Nombor Rancangan Pencen Balu dan Anak Yatim

Nombor Pendaftaran Kumpulan Wang Simpanan (jika Pencarum)

NO. GAST : NO. KWSP:

Nombor Pendaftaran Cawangan Perkhidmatan atau Negeri

Waris Dekat (hendaklah dicatatkan dengan pensil)

1. Nama

Alamat

2. Nama

Alamat

KELAYAKAN

Kelayakan Pelajaran SRP (A) - 1990

Ijazah, Diploma dan Kelayakan "Professional"

SALINAN DIAKUI SAH

KERAJAAN MALAYSIA (Am 2748-P/11.3/77)

KENYATAAN PERKHIDMATAN

Nama Pegawai

Tarikh Mula Dilantik 15 JULAI

Jawatan Sekarang JURUTEKNIK KOMPUTER GRED FT22(KUP)

Tarikh Dilantik 1 JULAI 2009

Tarikh Disahkan Dalam Jawatan 25 MAC 1987

Jabatan Sekarang

Tarikh Lahir 14 MEI 1957

BUTIR-BUTIR PERKHIDMATAN					
Kebenaran	Butir-butir perubahan atau lain-lain hal mengenai pegawai	Nama jawatan, peringkat dan/ atau kelas	Tarikh mulai daripada	Berpencen tak berpencen, Peruntukan Terbuka	Gaji sebulan

1.1.1 SIGNIFIKAN:

Tarikh lahir yang tertera adalah penentu kepada umur Persaraan Wajib (PW) dan penetapan tarikh pegawai mulai layak menerima faedah persaraan bagi Persaraan Pilihan (PS).

1.1.2 PANDUAN:

1. Catatan tarikh lahir harus dicatat dengan lengkap dan jelas pada Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) sepertimana yang tercatat pada kad pengenalan pegawai.
2. Catatan tarikh lahir yang tidak tepat akan menyebabkan tarikh persaraan wajib atau tarikh pegawai mulai layak menerima faedah persaraan bagi persaraan pilihan tidak dapat ditentukan.
3. Sebarang perbezaan antara catatan tarikh lahir pada salinan BPK dan kad pengenalan pegawai akan dikuiiri oleh pihak JPA / KWAP. Jabatan terakhir perlu mengemukakan salinan BPK yang telah dikemas kini dengan tarikh lahir yang tepat.
4. Surat pengesahan jabatan bagi sebarang pindaan tarikh lahir **tidak akan dipertimbangkan**. Sekiranya pihak jabatan ada mengemukakan dokumentasi tambahan bagi mengesahkan tarikh lahir sebenar pegawai / gemulah, namun ia berbeza dengan BPK dan kad pengenalan, maka pihak Jabatan bertanggungjawab untuk mengemas kini tarikh lahir di BPK.

1.1.3 PUNCA KUASA:

1. MyPPSM PO 1.1.3 – Panduan Mengurus Buku Rekod Perkhidmatan
2. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2002 – Dokumen Tarikh Lahir Pegawai Awam
3. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2012, P.U.(A) 1/2012, Perenggan 60

1.2 NOMBOR KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)

CONTOH :

2

Nama Pegawai _____

Nombor Jabatan JPK _____

Tempat dan tarikh dilahirkan _____

Agama Cina (Agama Buddha) _____

Nombor Sijil Kerakyatan Persekutuan dan tarikh _____

Nombor Kad Pengenalan _____ - 5180

Nombor Kumpulan Wang Jaminan Diri Pegawai Kerajaan _____

Nombor Rancangan Pencen Balu dan Anak Yatim _____

Nombor Pendaftaran Kumpulan Wang Simpanan (jika Pencarum) _____

Nombor Pendaftaran Cawangan Perkhidmatan atau Negeri _____

Waris dekat (hendaklah dicatatkan dengan pensil):

1. Nama _____
Alamat 9 _____
2. Nama _____
Alamat _____

KELAYAKAN

Kelayakan Pelajaran STPM _____

Ijazah, Diploma dan Kelayakan "Professional" Sijil Perguruan
Asas di Maktab Perguruan Ipoh 10.2.93
Ijazah Sarjana Muda

1.2.1 SIGNIFIKAN :

Nombor KWSP perlu dinyatakan secara jelas bagi membolehkan semakan dilaksanakan bagi mengenal pasti sekiranya ada caruman syer kerajaan di KWSP dikeluarkan oleh pegawai seterusnya memberi kesan kepada pengiraan faedah persaraan.

1.2.2 PANDUAN :

1. Jabatan hendaklah memastikan maklumat nombor KWSP pegawai / gemulah diisi dengan tepat dalam sistem HRMIS dan muka hadapan BPK. Nombor KWSP haruslah diisi dalam bentuk angka.
2. Nombor KWSP yang tidak lengkap atau tepat pada sistem HRMIS dan muka hadapan BPK akan dikuiiri oleh pihak JPA / KWAP. Jabatan terakhir perlu mengemukakan salinan BPK yang telah dikemas kini dengan nombor KWSP yang tepat.

1.2.3 PUNCA KUASA :

1. Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Pencen 1980
2. Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1990

1.3 TARIKH LANTIKAN

CONTOH :

KENYATAAN PERKHIDMATAN		
No. Gaji :		
Nama Pegawai :		
Tarikh mula dilantik :	01.11.2000	
Jawatan sekarang :	PEMBANTU AM RENDAH - 41	
Tarikh di lantik :		
Tarikh disahkan dalam perkhidmatan :	01.11.2000	
Jabatan sekarang :		
Tarikh Lahir :	K/P. Baru :	K/P Lama :

4

Negeri _____

Kebenaran	Butir-butir perubahan atau lain-lain hal mengenai pegawai (Lihat Panduan 7)	Nama jawatan, peringkat dan/atau kelas (Lihat Panduan 7)	Tarikh mulai daripada	Berpencen, tak berpencen, Peruntukan Terbuka	Gaji sebulan (Lihat Panduan 8)	Tandatangan dan tarikh
<p>2000 (1) BP-14 bth - 16-10-2000</p> <p>00 (2) BP-14 bth - 1-11-2000</p>	<p>Dilantik sebagai <u>Pembantu Am Rendah (P. Rend)</u> <u>N13</u> dengan tempoh percubaan selama 3 tahun dan dikehendaki hadir dengan jayanya Kursus Induksi serta lulus Peperiksaan Perkhidmatan sebelum disahkan dalam perkhidmatan mulai dari</p> <p>Ditempatkan di Sekolah</p> <p>Tarikh Pergerakan Gaji: <u>1/11/00</u></p> <p>Jadual Gaji:</p> <p>Jadual Gaji Baru: N13 P1T1 RM423.50 - P1T21 RM973.50 P2T1 RM452.10 - P2T21 RM1024.10 P3T1 RM481.30 - P3T21 RM1075.80</p>	Pembantu Am Rendah (N12)	1-11-2000	T/berpencen	RM 451.00 (P1T2) 1T6A RM 60.00 1T1 RM 135.00	<p><i>[Signature]</i> 4/12/00</p>
<p>228/25/1 bth 9.8.2001</p>	<p>*Opsyen Di bawah P.P.Bil.3 Tahun 2001</p> <p>Telah memilih untuk bersara wajib Apabila mencapai umur 56 Tahun *Mengikut Akta Pencen 1980 (Akta 227) dibaca bersama-sama Akta Pencen (Pindaan) 2001 tertakluk kepada semua peruntukan Akta Pindaan tersebut".</p>					
<p>10(SV38) 14.12.2000</p>	<p>Layak/tidak layak diberi Imbuhan Tahunan 2000 kepada Pegawai Sektor Awam dengan kadar setinggi bulan gaji tetapi tidak kurang daripada RM500.00 berdasarkan gaji bulan Disember 2000 mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 18 Tahun 2000</p>	Pembantu Am Rendah (N13)	1-12-2000		RM 83.33 (Imbuhan Tahunan)	
<p>00N1 151 (Sulit) 4/11-22-9-2001</p>	<p>Diberi pergerakan gaji secara Melintang/Meningkat/Mendatar/Statis dengan prestasi cemerlang/baik mulai 1-10-2001</p>	Pembantu Am Rendah N13	1-10-2001		RM 428.50 (P1T2)	

1.3.1 SIGNIFIKAN :

Tarikh lantikan amat penting bagi penentuan tempoh perkhidmatan yang layak dimasuk kira bagi pengiraan faedah persaraan.

1.3.2 PANDUAN :

1. Catatan tarikh lantikan harus dinyatakan dengan lengkap dan jelas pada Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) berserta nombor rujukan surat kebenaran atau kelulusan di ruangan 'kebenaran'.
2. Catatan tarikh lantikan haruslah sama dengan tarikh pengesahan lantikan.
3. Sekiranya tarikh lantikan dan tarikh lapor diri berbeza, pihak JPA/KWAP akan merujuk kepada tarikh lapor diri sebagai tarikh lantikan.
4. Sekiranya tiada catatan nombor rujukan surat kebenaran/kelulusan di ruangan 'kebenaran' pada BPK, dokumen akan dikuiiri oleh pihak JPA/KWAP. Jabatan terakhir perlu mengemukakan salinan BPK yang telah dikemas kini disertai dengan salinan surat lantikan pegawai atau surat pengesahan daripada jabatan.

1.3.3 PUNCA KUASA :

1. Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Pencen 1980
2. Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1990
3. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2012, P.U.(A) 1/2012, Perenggan 23

1.4 PENGESAHAN JAWATAN

CONTOH :

30.3.1995	Tekah dengan Jajanya mengikuti Kursus Modul Industri Umum yang telah disediakan pada 4.1.1995 hingga 28.1.1995 di Air Keroh D Village, Melaka. Keputusan Kekeluarganya adalah Lulus.	Pamalong Pegawai Penguatkuasa N6	4.1.95	T.B.	RM 988.00 I.T.K.A. RM 115.00
8.2.95	Melakukan Pegerakan Gaji Tahunan 1995 Secara MENDATAR. Nilai 1.4.95. Gred Gaji N6. P1 T7 RM: 988.00. Keputusan: P1 T8 RM: 1032.00	Pamalong Pegawai Penguatkuasa N6	1.4.95	T.B	RM 1032.00
6th: 11.8.95	Dilakukan pengesahan dalam jawatan sebagai Pamalong Pegawai Penguatkuasa Gred N6 mulai 16.4.95 (Mambil SKem percak)	Pamalong Pegawai Penguatkuasa Gred N6	16.4.95	Berpencen	P1 T8 RM 1032.00 I.T.K.A. RM 115.00

BUTIR-BUTIR PERKHIDMATAN						
Kebenaran	Butir-butir perubahan atau lain-lain hal mengenai pegawai (Lihat Panduan 7)	Nama jawatan, peringkat dan/atau kelas (Lihat Panduan 7)	Tarikh mulai daripada	Berpencen, tak berpencen, Peruntukan Terbuka	Gaji sebulan (Lihat Panduan 8)	Tan daran
6th: 17/2/79	Disahkan dalam jawatan	Warden Trafik	15.7.77	T/Berpencen	\$ 340.00	
6th: 27/2/78	Kenaikan gaji tahunan	- sda -	1.1.78	- sda -	\$ 355.00	
	- sda -	- sda -	1.1.79	- sda -	\$ 370.00	
6th: 7/6/79	Dikenakan tindakan tata tertib dengan denda potong gaji satu hari dan potong wang tunai sebanyak \$ 5.00 berkuatkuasa pada 30.5.79. Surat Kebenaran bil. (21) dlm. W 141/244/76.					
6th: 4/12/79	Kenaikan gaji tahunan	Warden Trafik	1.1.80	T/Berpencen	\$ 385.00	

1.4.1 SIGNIFIKAN:

1. Tarikh Pengesahan Jawatan penting bagi menentukan gred akhir dan gaji akhir pegawai; dan
2. Pegawai tetap dan telah disahkan jawatan yang mati dalam perkhidmatan, bersara atas sebab - sebab perubatan atau penswastaan sebelum genap 10 tahun perkhidmatan yang boleh dimasukkan, boleh disifatkan menjadi pegawai berpencen.

1.4.2 PANDUAN:

1. Catatan pengesahan jawatan harus dicatat dengan lengkap dan jelas pada Buku Perkhidmatan Kerajaan berserta nombor rujukan surat kebenaran atau kelulusan di ruangan 'kebenaran'.
2. Catatan yang tidak lengkap pada BPK akan dikuiiri oleh pihak JPA / KWAP. Jabatan terakhir perlu mengemukakan salinan BPK yang telah dikemaskini / salinan surat pengesahan jawatan / surat pengesahan jabatan.
3. Jabatan harus bertanggungjawab mencatatkan tarikh pengesahan jawatan walaupun telah berlaku kenaikan pangkat.

1.4.3 PUNCA KUASA:

1. Seksyen 8, Akta Pencen 1980 (Akta 227)
2. Seksyen 7, Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239)
3. Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Pencen 1980
4. Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1990
5. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012, P.U.(A) 1/2012, Perenggan 23

1.5 PEMBERIAN TARAF BERPENCEN

CONTOH :

RUJUKAN	BUTIR-BUTIR	JAWATAN DAN JABATAN	MULAI TARIKH	RM	PENGESAH DAN TARIKH
J. / : 11409A1 BTH: 04.10.2010	Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia telah meluluskan pemberian taraf berpencen kepada Penama mulai 01-12-2010	JURURAWAT U29 JAB PERUBATAN K	01-12-2010		
					16-11-2010
UI	PEK PERKHIDMATAN BIL. 11 TAHUN 2010 Bantuan Khas Kewangan Kedua Tahun 2010 kepada Pegawai Perkhidmatan Awam	JURURAWAT U29 JAB PENGURUSAN		500.00 DIS 10	

4520 Bth. 25.1.2002					
..... / (114)dlm.KRP-	Pemberian Taraf Berpencen mulai 1.3.2002	Jurawat Gred U8	1.3.2002	Berpencen RM1217.70 (P179)	fl.
..... 14.1.2002 Bil.(24)dlm.	Catitan. Pitryan kusp diberhentikan mulai 1.3.02.				
4520 Bth. 25.1.2002					
J. / 27.12.01 / 4520	Pelarasan Gaji 10% kepada anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan di bawah SS 6 mengikut Rekebutang Perkhidmatan Bil. 12 Tahun 2001 berkuatkuasa mulai 1.1.2002. Peminahan mata gaji sekarang P179 RM 1217.70 kepada mata gaji baru P179 RM 1339.47 Tanteh Titeana Piteana	Jurawat Gred U8	1.1.2002	flak Berpencen RM 1339.47 (P179)	fl.

1.5.1 SIGNIFIKAN:

Maklumat berkaitan tarikh pemberian taraf berpencen ini sangat penting bagi melayakkan pegawai menerima faedah persaraan. Maklumat ini yang membezakan sama ada pegawai memilih Skim Pencen atau Skim KWSP.

1.5.2 PANDUAN:

1. Catatan Pemberian Taraf Berpencen harus dicatat dengan lengkap dan jelas pada Buku Perkhidmatan Kerajaan. Catatan perlu dinyatakan sekali nombor rujukan surat kebenaran atau kelulusan di ruangan 'kebenaran'.
2. Catatan yang tidak lengkap pada BPK akan dikuiiri oleh pihak JPA / KWAP. Jabatan terakhir perlu mengemukakan salinan BPK yang telah dikemaskini / salinan surat pemberian taraf berpencen / surat pengesahan jabatan.
3. Bagi anggota berpencen meletak jawatan dan dilantik semula ke jawatan baharu pada atau selepas **1 Januari 2012** oleh pihak berkuasa melantik yang berbeza, Jabatan Mengurus yang baharu hendaklah membuat caruman ke KWSP pada kadar yang ditetapkan. Jabatan Mengurus tersebut hendaklah mengemukakan dokumen seperti di Jadual 6 untuk perakuan PTB yang baru kepada anggota tersebut jika menolak Skim KWSP mengikut tempoh sepertimana di Jadual 1 (Rujuk Ceraian PP 1.2.1).

1.5.3 PUNCA KUASA:

1. Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Pencen 1980
2. Peraturan 6 aa, Peraturan-Peraturan Pencen 1980
3. Peraturan 5 aa, Peraturan-Peraturan Pencen 1990
4. Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1990
5. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2012, P.U.(A) 1/2012, Perenggan 23
6. MYPPSM Ceraian PP 1.2.1

1.6 PERCANTUMAN PERKHIDMATAN LEPAS (PPL)


CONTOH :

UNIVERSITI TERAJAYA
SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT STAF
LAPORAN KENYATAAN PERKHIDMATAN

No Pekerja : [REDACTED]
 Nama Pegawai : [REDACTED]
 Jawatan dan Gred Gaji : [REDACTED]
 Jabatan : [REDACTED]
 No. Fail : [REDACTED]

BUTIR-BUTIR PERKHIDMATAN

Bil	Kebenaran	Butir-butir perubahan atau lain-lain hal mengenai pegawai	Jawatan/ Jabatan	Tarikh Mula/ Tarikh Hingga	Pencen	Gaji Sebulan(RM)
31	"J. [REDACTED] 3 [REDACTED] 3 [REDACTED] 17) bth 24/04/2014	Tempoh perkhidmatan lepas penama dari 1.6.2007 hingga 16.3.2010 sebagai Juruteknik Awam di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah DILULUS untuk diagregatkan dengan perkhidmatan sekarang mulai 17.3.2010 selaras dengan Peraturan 5(1)(g) Peraturan-2 Pencen Pihak Berkuasa Berkanun & Tempatan 1990. Pegawai dilepas dgn izin.	[REDACTED]	24/04/2014	Y	
32	" bth 17/07/2014	Bantuan K Bertarikh (Dirujuk.)				

 **JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA**
PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA
 Blok C1 - C3, Kompleks C
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
 62510 W.P. PUTRAJAYA
 MALAYSIA

Tel: 603-8008000
 Faks (Fax): 603-88894619
 Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Pengarah [REDACTED] Ruj. Kami : [REDACTED]
 Tarikh : [REDACTED]

Tuan/Puan,

PERMOHONAN PERCANTUMAN PERKHIDMATAN LEPAS [REDACTED]

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa tempoh perkhidmatan [REDACTED] sebagai [REDACTED] adalah teratur. Tempoh perkhidmatan tersebut adalah diluluskan dan boleh diagregatkan dengan perkhidmatan sekarang mulai 20.6.2005 bagi maksud pengiraan faedah persaraan selaras dengan Peraturan 6(1)(g), Peraturan-peraturan Pencen 1980.

3. Untuk makluman, tempoh perkhidmatan tersebut akan diambil kira semasa proses kelulusan faedah persaraan kelak. Keputusan ini hendaklah dicatatkan ke dalam Kenyataan Perkhidmatan penama dengan menggunakan rujukan surat ini.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

[REDACTED]

1.6.1 SIGNIFIKAN :

Maklumat kelulusan percantuman perkhidmatan lepas (PPL) ini sangat penting bagi menentukan tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira bagi pengiraan faedah persaraan.

1.6.2 PANDUAN :

Situasi 1 : Lantikan baru selepas 15 Januari 1975 hingga 17 November 2009

BIL.	PBM	SKIM/JAWATAN	KEPERLUAN PDI/PELEPASAN BERTULIS DAN PPL
1.	Sama	Sama	Tidak perlu
2.	Sama	Berbeza	Perlu
3.	Berbeza	Sama	Perlu
4.	Berbeza	Berbeza	Perlu

Situasi 2 : Lantikan baru selepas 18 November 2009 hingga 31 Disember 2011

BIL.	PBM	SKIM/JAWATAN	KEPERLUAN PDI/PELEPASAN BERTULIS DAN PPL
1.	Sama	Sama	Perlu
2.	Sama	Berbeza	Perlu
3.	Berbeza	Sama	Perlu
4.	Berbeza	Berbeza	Perlu

Situasi 3 : Lantikan baru 1 Januari 2012 hingga kini

- Tidak perlu PDI dan PPL.
- Bagi PBM sama, skim / jawatan berbeza : Perlu ada pelepasan jawatan sebagai pemakluman (Tidak perlu kelulusan)

Tidak perlu PDI dan PPL bagi:

- Pertukaran lantikan (penggabungan skim (rasionalisasi) / penjumudan / penghapusan jawatan);
- Pertukaran tetap; dan
- Pertukaran perkhidmatan.

*Rujuk lampiran bagi simulasi percantuman perkhidmatan lepas (PPL)

1.6.2 **PANDUAN** (Sambungan) :

Sekiranya pegawai **dilantik secara sementara** untuk **apa-apa tempoh** sebelum pegawai dilantik tetap, Jabatan perlu mengemukakan waran perjawatan kepada JPA bagi tujuan percantuman perkhidmatan lepas bagi tempoh sementara berkenaan.

1.6.3 **PUNCA KUASA** :

1. Peraturan 6(1)(g), Peraturan-Peraturan Pencen 1980
2. Peraturan 5(1)(g), Peraturan-Peraturan Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1990
3. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2015
4. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1980
5. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 23 Tahun 2009
6. Peraturan 6(1)(aa), Peraturan-Peraturan Pencen 1980
7. Peraturan 5(1)(aa), Peraturan-Peraturan Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1990
8. SPP 10 (2011)
9. PP 4/2012
10. PU(A) 176/2005
11. PU(A) 1/2012

1.7 OPSYEN UMUR PERSARAAN TAHUN 2001, 2008, DAN 2011

CONTOH :

Opsyen umur bersara wajib tahun 2001

Telah memilih untuk bersara wajib apabila mencapai umur 56 tahun mengikut Akta Pencen 1980 (Akta 227) dibaca bersama-sama Akta Pencen (Pindaan) 2001 tertakluk kepada semua peruntukan Akta Pindaan tersebut.

Tarikh:

19/9/2001

SALINAN SALINAN SEPERTI DOKUMEN ASAL.

(tanda tangan, nama, jawatan dan tarikh)

Opsyen umur bersara wajib tahun 2008

Telah memilih untuk bersara wajib apabila mencapai umur 58 tahun dan tertakluk kepada Akta Pencen 1980 (Akta 227) dibaca bersama-sama Akta Pencen (Pindaan) 2008 / Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239) dibaca bersama Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2008* tertakluk kepada semua peruntukan Akta Pindaan tersebut.

Opsyen umur bersara wajib tahun 2011

"Bersetuju Untuk Menerima Opsyen Bersara Paksa Apabila Mencapai Umur 60 Tahun Dan Tertakluk Kepada Akta Pencen 1980 [Akta 227] Dibaca Bersama Akta Pencen (Pindaan) 2011 / Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun Dan Tempatan 1980 [Akta 239] Dibaca Bersama Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun Dan Tempatan (Pindaan) 2011*, Tertakluk Kepada Semua Peruntukan Akta Pindaan Tersebut Mengikut Tawaran Opsyen Umur Persaraan Paksa Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2011 Bertarikh 7 Disember 2011".

SALINAN SALINAN SEPERTI DOKU

(tanda tangan, nama, jawatan dan

1.7.1 SIGNIFIKAN :

Maklumat berkenaan opsyen umur persaraan wajib amat penting bagi penetapan umur pegawai wajib bersara.

1.7.2 PANDUAN :

1. Umur persaraan wajib terpakai mengikut opsyen umur persaraan yang berkuat kuasa pada tahun yang berkenaan.
2. Pegawai lantikan baharu termasuk Peningkatan Secara Lantikan (PSL) mulai 1 Januari 2012, secara **automatik umur persaraan wajib bagi pegawai tersebut adalah 60 tahun.** (Maklumat umur persaraan wajib ini tidak perlu dicatat dalam BPK melainkan JPA mengeluarkan sebarang pindaan terhadap opsyen umur bersara wajib).
3. Opsyen umur persaraan wajib yang tidak teratur akan dikuiiri oleh pihak JPA / KWAP. Jabatan bertanggungjawab untuk mengemukakan permohonan pertimbangan opsyen umur persaraan kepada pihak JPA. Setelah pertimbangan JPA diperoleh, Jabatan harus mengemukakan keputusan JPA dan borang opsyen umur yang terkini kepada pihak KWAP. **Sekiranya jabatan mengenal pasti lebih awal pilihan opsyen umur persaraan yang tidak teratur, jabatan hendaklah kemukakan permohonan pertimbangan kepada JPA untuk penetapan umur bersara wajib.**
4. Opsyen umur persaraan wajib yang tidak dicatatkan pada BPK akan dikuiiri oleh pihak JPA / KWAP. Jabatan bertanggungjawab untuk mengemukakan pilihan opsyen persaraan wajib pada tahun 2001, 2008, dan 2011.

1.7.3 PUNCA KUASA :

1. Seksyen 10, Akta Pencen 1980
2. Seksyen 10, Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980
3. MyPPSM Ceraian PP.1.1.1



1.7.4 PANDUAN PENETAPAN UMUR PERSARAAN WAJIB MENGIKUT JENIS LANTIKAN :








JADUAL 1

BIL.	JENIS LANTIKAN	UMUR PERSARAAN WAJIB	
		KEKAL OPSYEN YANG DIPILIH	TARIKH LANTIKAN TERKINI (60 TAHUN – MULAI 1 JANUARI 2012)
1.	Lantikan Pertama dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan / Negeri / BBKT.		✓
2.	Lantikan kedua dan seterusnya dalam PBM yang sama: (i) Letak jawatan / dikehendaki bersara dan kemudian dilantik tetap semula. (ii) Dilepaskan jawatan untuk menjawat jawatan / skim perkhidmatan lain. (iii) Kenaikan Pangkat Secara Lantikan / Peningkatan Secara Lantikan.		✓ ✓ ✓
3.	Lantikan kedua oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berbeza (dari Persekutuan ke Negeri / BBKT atau sebaliknya).		✓
4.	Pertukaran Perkhidmatan: (i) Bertukar ke perkhidmatan yang lain, Ketua Perkhidmatan yang berbeza, tetapi masih dalam PBM yang sama (Persekutuan). (ii) Bertukar dari Perkhidmatan Persekutuan ke Negeri Melaka / Pulau Pinang / Negeri Sembilan / Perlis. (iii) Bertukar dari Perkhidmatan Negeri ke Perkhidmatan Negeri lain yang kuasa pelantikannya ialah SPA.	✓ ✓ ✓	
5.	Pertukaran Pelantikan (Atas Keputusan Kerajaan / Permohonan Pegawai): (i) Tukar lantik PBM yang sama. (ii) Tukar lantik PBM yang berbeza.	✓ ✓	

1.8 GAJI AKHIR

CONTOH :

bth 30.2.18	Pergerakan gaji tahunan secara biasa mulai		01.04.2018	GAJI DITERIMA RM 5,273.13	GAJI PITERIMA RM 5,443.13 (kadar KGT Pkt SM RM170)
TAHUN 2017					
" Disahkan beliau tidak terlibat dengan tindakan tatatertib/mahkamah"					

	Bantuan Khas Kewangan (BKIK) Tahun 2023 sebanyak RM700.00 dibayar kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah. Bayaran dibuat pada 17 Januari 2023.	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG 52 (KUMP)	17-1-2023	Berpencen	RM 100.00					
	Diberi Pergerakan Gaji Tahun 2023 mengikut kadar Kenaikan Gaji Tahunan atas Gred 0452 sebanyak RM200.00 mulai 1.4.2023	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG 52 (KUMP)	1-4-2023	Berpencen	RM 8200.23	<table border="1"> <tr> <td>Palet Tarima</td> <td>Telah Terima</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Am 7910.23</td> </tr> </table>	Palet Tarima	Telah Terima		Am 7910.23
Palet Tarima	Telah Terima									
	Am 7910.23									
	JGMM : Gred 0452 (PP 1/2016) RM 5,156.00 - RM 10,354.00 Kadar KGT : RM 290.00									
	IPG : 1 hb April	Disahkan bahawa ini adalah salinan yang benar daripada surat / siji / dokumen asal yang telah ditunjukkan kepada saya								

1.8.1 SIGNIFIKAN :

Gaji akhir pegawai merupakan maklumat penting bagi penetapan faedah-faedah persaraan.

1.8.2 PANDUAN :

1. Jabatan bertanggungjawab mengemas kini gaji akhir terkini di BPK termasuk mengisi dengan lengkap dan jelas maklumat surat kebenaran perubahan gaji seperti nombor rujukan, tarikh tahun semasa, dan jumlah kenaikan gaji akhir yang terkini.
2. Jabatan hendaklah memastikan pengiraan gaji akhir mengikut ketetapan yang berkuat kuasa.
3. Jabatan hendaklah memastikan mana-mana tarikh yang dicatatkan di dalam KEW-8 haruslah menggunakan tarikh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) bersidang yang mempertimbangkan KGT terkini.
4. Sekiranya terdapat catatan tidak lengkap pada gaji akhir tahun sebelumnya, maka gaji akhir yang terkini / semasa boleh dirujuk sekiranya terdapat catatan yang lengkap.
5. Sekiranya pegawai bersara kerana mencapai umur bersara wajib atau berlaku kematian pegawai dalam perkhidmatan sebelum tiba tarikh pergerakan gaji pegawai / gemulah, jabatan bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan PPSM jabatan dan tarikh kuat kuasa pergerakan gaji berkenaan adalah pada sehari sebelum tarikh persaraan (bagi persaraan wajib) atau tarikh kematian (bagi kematian dalam perkhidmatan).
6. Sekiranya didapati gaji tidak teratur selepas kenaikan pangkat, jabatan perlu memastikan tarikh kenaikan pangkat dicatatkan dalam KEW-8 yang dilampirkan.
7. Bagi kes-kes kenaikan pangkat, gaji permulaan yang melebihi gaji maksimum grad kenaikan pangkat tersebut yang tidak ditampung dalam Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM), Jabatan akhir hendaklah merujuk kepada Bahagian Gaji & Elaun, (BGE) JPA untuk ketetapan gaji permulaan.
8. Format KEW-8 hanya boleh diguna pakai oleh pesara Awam Persekutuan (AP) sahaja. Manakala bagi perkhidmatan selain AP, perlu mengguna pakai Penyata Perubahan Pendapatan.

1.8.3 PUNCA KUASA :

1. Seksyen 2, Akta Pencen 1980
2. Seksyen 2, Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980
3. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2015
4. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2019
5. Garis Panduan Pelaksanaan Penetapan Gaji Permulaan Kenaikan Pangkat (U.P 3.1.2 Perenggan 8)


2

KENYATAAN CUTI

Maklumat kenyataan cuti ini amat penting bagi memastikan tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira seterusnya pengiraan faedah persaraan dapat dilaksanakan dengan tepat.

2.1 MAKLUMAT KENYATAAN CUTI

CONTOH:

Jenis cuti	Tahun	TEMPOH		BERAPA HARI			Lain-lain Hal
		Daripada	Hingga	Caji Penuh	Separuh gaji	Tiada bergaji	
PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 1983 (PERKHOSON 2.2)							
Saya sahkan bahawa sebagai utusan telah ditunjuk oleh Jajatan/Kepentingan ini dan juga oleh Encek Citi/Puan (Pegawai Berkecaraan) <u>SITI ROMAYIA BT MD DELOM</u> untuk mengambil kesemua cuti rehatnya sebanyak <u>44</u> hari sebelum akhir tahun ini (1997). Daripada jumlah baki cuti rehatnya sebanyak <u>23</u> hari yang dapat dibebaskan oleh sebab kepentingan perkhidmatan sebanyak <u>23</u> hari adalah dibenarkan mengikut baki taburan cuti rehat mengikut Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Pencen 1960, manakala sebanyak <u>23</u> hari lagi adalah dibenarkan di bawa ke tahun hadapannya.							
Tarikh: <u>21 JUN 1997</u>							
Nama Penerima: 							
Jabatan Perdana Menteri							
Cuti Rehat	1997	6-1	7-1	2			BAKI CUTI REHAT TAHUN 1996 = 23 HAR
"	"	9-1	-	1			KELAYAKAN CUTI REHAT TAHUN 1997 = 25 HAR
"	"	21-1	22-1	2			JUMLAH CUTI REHAT TAHUN 1997 = 48 HAR
"	"	12-2	13-2	2			
Cuti Sakit (CS)	1997	14-2	-	1			
Cuti Sakit (CS)	1997	25-2	-	1			
Cuti Rehat	1997	13-3	-	1			
Cuti Sakit (CS)	1997	31-3	-	1			
Cuti Rehat	1997	4-4	-	1			
Cuti Rehat	"	25-4	-	1			
Cuti Rehat	"	5-5	-	1			
Cuti Sakit (CK)	1997	23-5	-	1			
Cuti Sakit (CS)	"	24-5	-	1			
Cuti Rehat	1997	3-6	-	1			
Cuti Sakit (CK)	1997	5-6	-	1			
Cuti Sakit (CK)	"	7-7	-	1			
Cuti Sakit (CS)	"	11-7	-	1			
Cuti Rehat	1997	28-7	-	1			
Cuti Rehat	"	25-8	-	1			
Cuti Sakit (CK)	1997	8-9	-	1			
Cuti Sakit (CK)	"	6-10	-	1			
Cuti Rehat	1997	13-10	-	1			
Cuti Sakit (CK)	1997	14-10	24-11	42			Cuti Bersalib
Cuti Rehat	1997	25-11	6-12	11			
Cuti Rehat	"	16-12	-	1	(27)		(48 - 27) = 21 Hari

2.1.1 PANDUAN:

1. Catatan dalam Kenyataan Cuti perlu direkodkan dengan lengkap dengan menyatakan jenis cuti, tahun, tempoh, dan tarikh cuti yang diambil dengan jelas.
2. Jenis cuti yang perlu dicatat adalah yang mempunyai implikasi terhadap gaji pegawai dan pengiraan tempoh perkhidmatan yang melayakkan.

2.1.2 PUNCA KUASA:

Panduan Mengurus Buku Perkhidmatan Kerajaan - MyPPSM, PO 1.1.3

2.2 MAKLUMAT CUTI SAKIT

CONTOH:

Kebeneran	Jenis cuti	Tahun	TEMPOH		BERAPA HARI			Hal-hal Lain
			Daripada	Hingga	Gaji Penuh	Separuh gaji	Tiada bergaji	
		1995	T	1	A	D	A	
SS(S)	Cuti Sakit	1996	26.8	27.8	2			Kemali Choo & Chin - 13577.
SS(K)	"	1996	17.9	18.9	2			- 19354.
SS(A)	Cuti Sakit	1997	18.3	21.3	4			- 20499.
SS(K)	"	1997	11.4	22.5	42			Cuti Bersalin - 121022.
SS(K)	Cuti Sakit	1998	23.3	-	1			
SS(K)	"	"	8.7	-	1			
SS(S)	"	"	5.8	4.8	2			
SS(S)	"	"	5.8	6.8	2			15594
SS(S)	"	"	7.8	-	1			13800
A. Bazar	Cuti Sambilan	1999	22.1	-	1			
SS(S)	Cuti Sambilan	"	19.4	-	1			1571
"	"	"	25.8	-	1			
SS(S)	Cuti Sambilan	2000	19.5	-	1			
Sebarang maklumat ini adalah rasminya yang bertarikh pada surat asal yang telah								
Seb. Perai (S)								
SS(K)	Cuti Sakit	2001	17/12	17/12	60			Cuti Bersalin
SS(K)	"	2001	8/8	-	1			
SS(K)	Cuti Sakit	2002	12/15	-	1			
SS(K)	"	"	7/8	-	1			
SS(K)	"	"	9/9	9/11	60			Cuti Bersalin

2.2.1 PANDUAN :

Maklumat berkaitan cuti pegawai perlu direkodkan setiap tahun, sekiranya tiada catatan bagi tahun tertentu, pihak sumber manusia perlu sahkan bahawa pada tahun tersebut dicatat 'Tiada Rekod'.

2.2.2 PUNCA KUASA :

Panduan Mengurus Buku Perkhidmatan Kerajaan - MyPPSM, Ceraian PO. 1.1.3

2.3 MAKLUMAT CUTI SAKIT MELEBIHI 90 HARI

CONTOH :

			MP :	RM 300.00	RM 300.00
			BIW :	RM 522.93	RM 547.42
PTG-800/	Kelulusan cuti sakit 90 hari pertama				
00-3/2/2	Mulai di JUN 2018 hingga 29 SEP	Pan Pegawai Tanah			
63'	2018 selama 90 hari pertama	Gred NT29			
di 29.10.2018	telah diluluskan oleh Ketua				
	Jabatan pada 26 Oktober				
	2018				
KATS/CSA 500	Kelulusan cuti sakit melebihi	Peti Pegawai Tanah			
4/2/7 2018	90 hari kedua mulai 22 September	Gred NT29			
(1)	2018 hingga 20 Disember 2018				
di 18/2/19	(50 Hari) telah diluluskan oleh				
	Ketua Setiausaha Kementerian Air				
Pergerakan Gaji Tahunan		Perorang Pegawai	01-07-2019	Terima RM 3128.16	Terima RM 3273.16
Secara Biasa pada		Tanah Gred NT29			
Tahun 2019 mulai 01-07-2019					
			ITDA :	RM 160.00	RM 160.00
			MP :	RM 300.00	RM 300.00

Kelulusan Cuti Sakit 90 hari pertama telah diluluskan oleh Ketua Jabatan

Kelulusan Cuti Sakit 90 hari kedua telah diluluskan oleh Ketua Setiausaha

2.3.1 PANDUAN :

1. Seseorang Ketua Jabatan boleh meluluskan cuti sakit tidak melebihi 90 hari pada satu masa atau 90 hari dalam satu-satu tahun (Januari hingga Disember). Sebarang cuti yang diperlukan lebih daripada ini hendaklah diluluskan oleh Kuasa Tertentu yang boleh memberi tidak lebih daripada 90 hari lagi cuti sakit
2. Ketua Jabatan boleh menerima sijil sakit swasta bagi rawatan pesakit dalam/luar tanpa tandatangan timbal oleh Pegawai Perubatan Kerajaan tidak melebihi 180 hari dalam suatu tahun kalendar bagi kemudahan Cuti Sakit **mulai 18 Februari 2022** (MyPPSM Ceraian SR.5.4.5)

2.3.2 PUNCA KUASA:

1. Perenggan 17(a), Perintah Am Bab C
2. MyPPSM, Ceraian SR.5.4.5

2.4 MAKLUMAT CUTI HAJI

CONTOH :

378-787 (56)	Mendapat kebenaran cuti bagi mengerjakan Haji kali pertama selama 40 hari mulai 17 Oktober hingga 28 November 2011.	Pendatang Jumaat Grad J29	14/9/2011	Rm 2,647.48
SLG: 12.10.2011				

Mendapat kebenaran cuti bagi mengerjakan Haji kali pertama selama 40 hari mulai 17 Oktober hingga 28 November 2011.

"	"	06/06	-	1	Untuk mengambil kesemua cuti rehat tahunannya sebanyak
Cuti Sakit	2011	04/07	05/07	2	42 hari sebelum akhir tahun 2011. Daripada jumlah
Cuti Rehat	2011	09/08	-	1	baki cuti rehatnya sebanyak 12 hari yang tidak dapat
"	"	15/08	-	1	abiskan demi kepentingan perkhidmatan, sebanyak
"	"	11/10	13/10	2	12 hari adalah dibenarkan dikumpulkan bagi GCR,
"	"	16/11	-	1	manakala sebanyak
Cuti Tanpa Rekod	2011	17/10	26/11	40	40 hari lagi adalah dibenarkan
Cuti Rehat	2011	20/11	20/11	3	kecuali cuti rehat tahun hadapan
"	"	01/12	-	1	
"	"	04/12	08/12	5	
Cuti Sakit	2011	11/12	12/12	2	MC(S)
Cuti Rehat	2011	22/12	-	1	
"	"	29/12	-	1	

2.4.1 PANDUAN :

1. Perlu ada catatan tarikh dan tempoh cuti yang dibenarkan serta dicatat dengan jelas.
2. Contohnya, maklumat kelulusan Cuti Haji perlu direkodkan dalam kenyataan perkhidmatan dan kenyataan cuti. Tarikh dan tempoh perlu dinyatakan dengan jelas.

2.4.2 PUNCA KUASA :

1. MyPPSM, Ceraian PO 1.1.3
2. MyPPSM, Ceraian SR 5.3.1

2.5 MAKLUMAT TEMPOH TIDAK HADIR BERTUGAS TANPA CUTI / KEBENARAN

CONTOH :

KENYATAAN PERKHIDMATAN

Nama Pegawai Nombor Pendaftaran Cawangan Perkhidmatan atau Negeri
 Nombor Jabatan
 Tarikh layak dimasukkan ke dalam Perjawatan Berpencen
 Tarikh dimasukkan ke dalam Perjawatan Berpencen Tarikh sampai umur dihadkan.....

Kebenaran	BUTIR-BUTIR PERKHIDMATAN				
	Butir-butir perubahan atau lain-lain hal mengenai pegawai <i>(Lihat Panduan 7)</i>	Nama jawatan, peringkat dan/atau kelas <i>(Lihat Panduan 7)</i>	Tarikh mulai daripada	Berpencen, tak berpencen, Peruntukan Terbuka	Gaji sebulan <i>(Lihat Panduan 8)</i>
	Kutipan Balik gaji dan emolument bagi tempoh-tempoh pegawai dikecuali telah tidak hadir bertugas tanpa cuti atau kebenaran selaras dengan Perintah Am Bab C (14A Cn). Januari 02.01.2019, 03.01.2019, 21.01.2019, 23.01.2019, 29.01.2019, 30.01.2019, (6 hari) Februari - 19.02.2019, 21.02.2019, 22.02.2019.	Penolong Pegawai Tamah Gred APM1			

Tarikh – tarikh perlu dinyatakan dengan jelas beserta tindakan kutipan balik bagi tarikh tidak hadir bertugas tanpa cuti atau kebenaran. Tempoh-tempoh ini akan mengurangkan tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira

2.5.1 PANDUAN :

1. Ketua Jabatan perlu menyatakan tarikh – tarikh dengan jelas dan melaksanakan kutipan balik gaji serta emolument bagi tempoh pegawai telah tidak hadir bertugas tanpa gaji atau kebenaran.
2. Cuti terlebih ambil itu hendaklah dianggap sebagai Cuti Tanpa Gaji (CTG) dan Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk meluluskan CTG tersebut.

2.5.2 PUNCA KUASA :

1. Perintah Am Bab C, 14A
2. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2009

2.6 KAEDAH PENETAPAN KELAYAKAN CUTI REHAT TAHUNAN BERDASARKAN PRINSIP GENAP 10 TAHUN PERKHIDMATAN MELAYAKKAN

KELAYAKAN CUTI REHAT TAHUNAN

KADAR KELAYAKAN CUTI REHAT TAHUNAN BERKUAT KUASA 1.1.2016 (PP BIL. 11/2015)								
TARIKH LANTIKAN PERTAMA/BAHARU	KURANG 10 TAHUN PERKHIDMATAN MELAYAKKAN				LEBIH 10 TAHUN PERKHIDMATAN MELAYAKKAN			
	Gred 1-20	Gred 21-30	Gred 31-54	Jusa dan Turus	Gred 1-20	Gred 21-30	Gred 31-54	Jusa dan Turus
SEBELUM 1.9.2005 PP 4/2002	20 Hari	25 Hari	30 Hari	30 Hari	25 Hari	30 Hari	35 Hari	35 Hari
MULAI 1.9.2005 - 31.12.2008 PP 20/2005	20 Hari	25 Hari	30 Hari	30 Hari	25 Hari	30 Hari	30 Hari	30 Hari
MULAI 1.1.2009 – KINI PP 14/2008	20 Hari	25 Hari	25 Hari	25 Hari	25 Hari	25 Hari	25 Hari	25 Hari


2.6.1 PANDUAN :

1. Kelayakan cuti rehat tahunan akan meningkat 5 hari apabila pegawai telah mencapai genap 10 tahun tempoh perkhidmatan berdasarkan tarikh lantikan dan gred jawatan.
2. Tempoh perkhidmatan genap 10 tahun akan berubah sekiranya pegawai ada mengambil Cuti Tanpa Gaji, Cuti Separuh Gaji, Cuti Haji, Cuti Belajar, dan Cuti Sakit Tibi/Kusta/Barah.
3. Sekiranya Pihak Berkuasa Melantik adalah berbeza, tempoh genap 10 tahun akan diambil kira mulai dari tarikh dilantik oleh Pihak Berkuasa Melantik yang baharu.

2.6.2 PUNCA KUASA :

MyPPSM, Ceraian SR. 5.1.1

2.7 KAEDAH PENGGUNAAN CUTI REHAT BAGI LEBIHAN GCR TERKUMPUL PADA TAHUN AKHIR PERSARAAN



2.7.1 PANDUAN :

1. Mulai 1 Januari 2018, lebihan GCR yang terkumpul boleh digunakan sebagai cuti rehat pada tahun akhir perkhidmatan (digunakan dalam tempoh 12 bulan sebelum tarikh persaraan).
2. Sebagai contohnya, sekiranya GCR dikumpul melebihi 150 hari bagi tahun 2021, 160 hari bagi tahun 2022, dan 180 hari bagi tahun 2023, maka lebihan GCR tersebut boleh digunakan sebagai cuti rehat pada tahun persaraan.
3. Pegawai perlu mengemukakan permohonan dengan melengkapkan borang ceraiian kebenaran gantian cuti rehat melebihi 180 hari digunakan sebagai cuti rehat pada tahun akhir persaraan dan mendapatkan kelulusan daripada ketua jabatan dalam tempoh sebulan dari tarikh persaraan.
4. Sekiranya telah diluluskan, jabatan perlu merekodkannya dalam kenyataan cuti sebagai cuti rehat (lebaran) bagi membezakan antara cuti rehat biasa dan lebihan GCR (cuti rehat). Ini adalah bagi tujuan untuk mengelakkan cuti rehat terlebih ambil.

2.7.2 PUNCA KUASA :

1. Peraturan 21 dan 21A, Peraturan-Peraturan Pencen 1980 [P.U.(A) 176/1980]
2. MyPPSM, Ceraiian PP. 1.3.1
3. MyPPSM, Ceraiian PP.1.3.3
4. Panduan Mengurus Gantian Cuti Rehat (GCR) Perkhidmatan Awam Persekutuan

2.8 KAEDAH MEREKOD KENYATAAN CUTI BAGI PERTUKARAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN YANG BERKHIDMAT DI SEKOLAH / KOLEJ (CUTI REHAT KHAS) KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN YANG BERKHIDMAT SELAIN SEKOLAH / KOLEJ (CUTI REHAT)

CONTOH :

Kebeheraan	BUTIR-BUTIR PERKHIDMATAN				
	Butir-butir perubahan atau lain-lain hal mengenai pegawai (Lihat Panduan 7)	Nama jawatan, peringkat dan/atau kelas (Lihat Panduan 7)	Tarikh mulai daripada	Berpencen, tak berpencen, Peruntukan Terbuka	Gaji sebulan (Lihat Panduan 8)
75/59/2005 (CA16) kth 13.1.2006 36773	Ditukarkan dari jawatan Guru Penolong SMK Taman [redacted] Gred B [redacted] PPP Siswazah Gred DG 41 yang ditukar secara pentadbiran sebagai pegawai khas kokurikulum [redacted] PPP Siswazah Gred DG 41 Unit Kokurikulum, Sektor Pengurusan Pembangunan Kemahiran. [redacted] [redacted] mulai dari...	PPP Siswazah Gred DG 41	16.1.2006	-	RM 2497.10 (P179) MKA RM 300.00 PP

Pegawai ditukar secara pentadbiran daripada jawatan guru sekolah kepada guru pejabat.

[SSM-PP 20/2005]	2005	0	7	7	3	4	0	4	10
[GURU (PEJABAT) DG41-TUKAR TUGAS-16/1/2006 (30-35)]	2006	0	0	0					
	2006	0	34	34	14	20	6	14	24
							-12	20	

Kelayakan cuti rehat berubah dari 7 hari pada tahun 2005, kepada 34 hari setahun pada tahun 2006.

2.8.1 PANDUAN :

1. Sekiranya pegawai sebelum ini ditempatkan di sekolah sebagai guru dan berlaku pertukaran pegawai bertugas ke pejabat seperti di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, atau lain-lain, perlu ada catatan rekod pertukaran dalam kenyataan perkhidmatan dan kenyataan cuti.
2. Maklumat berkenaan penting sebagai penetapan jumlah kelayakan pengumpulan Gantian Cuti Rehat (GCR) pada penghujung tahun.

2.8.2 PUNCA KUASA :

1. MyPPSM, Ceraian PO 1.1.3 Panduan Menguruskan Buku Perkhidmatan Kerajaan
2. MyPPSM, Ceraian SR 5.1.1 dan Ceraian SR 5.1.5

3

DOKUMEN SOKONGAN

3.1 SALINAN KAD PENGENALAN PEGAWAI / PASANGAN

CONTOH :



3.1.2 PANDUAN :

1. Salinan kad pengenalan perlu dibuat salinan dengan jelas dengan paparan nama dan nombor kad pengenalan yang boleh dibaca.
2. Paparan salinan kad pengenalan bahagian hadapan dan belakang mesti menunjukkan pemilik yang sama.
3. Sertakan salinan passport sekiranya pasangan bukan warganegara.

3.1.3 PUNCA KUASA :

MyPPSM, Ceraian PP.1.2.1 (Bahagian V)

3.2 SALINAN SIJIL KELAHIRAN

CONTOH :

KERAJAAN MALAYSIA SIJIL KELAHIRAN Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian, 1957 (Sekyen 14 Kaedah 7)		
Kawasan Pendaftaran	Pusat Pendaftaran	
	JPN [REDACTED] JA	
KANAK-KANAK		
Nama S [REDACTED] N		
Tarikh dan Waktu Kelahiran 16 MAC 2005 07:42 PM	Jantina PEREMPUAN	
Tempat Kelahiran HOSPITAL [REDACTED]	Taraf Kewarganegaraan WARGANEGARA	
BAPA		
Nama M [REDACTED] S		
No. Kad Pengenalan [REDACTED]	Umur 36 TAHUN	Jenis dan No. Dokumen Lain -Tidak Berkeajaan-
Taraf Pemastautin WARGANEGARA	Keturunan MELAYU	Agama ISLAM
IBU		
Nama K [REDACTED] N		
No. Kad Pengenalan [REDACTED]	Umur 36 TAHUN	Jenis dan No. Dokumen Lain -Tidak Berkeajaan-
Taraf Pemastautin WARGANEGARA	Keturunan MELAYU	Agama ISLAM
Tempat Tinggal [REDACTED]		
No. Daftar [REDACTED]	Disahkan bahawa maklumat di atas adalah seperti yang dicatat dalam Daftar Kelahiran	
Tarikh Pendaftaran 26 MAC 2005	[REDACTED]	
[REDACTED] KEL [REDACTED] JAYA		

3.2.1 PANDUAN :

1. Pegawai perlu mengemas kini maklumat tanggungan (anak) dalam sistem HRMIS sebelum persaraan. Maklumat tanggungan perlu dilengkapkan dan dihantar bersekali semasa penghantaran data HRMIS.
2. Hanya sijil lahir bagi anak bawah umur 21 tahun yang perlu dikemukakan.
3. Bagi kes pencen terbitan, dokumen sijil lahir anak harus mempunyai daftar nama ibu bapa yang sama dengan nama pegawai / pasangan sekarang.
4. Sijil lahir luar negara juga diterima.

3.2.2 PUNCA KUASA :

MyPPSM, PP.1 : Persaraan dan Faedah Persaraan

3.3 SALINAN SIJIL PENGANGKATAN ANAK BAWAH 21 TAHUN (BAGI ANAK ANGKAT)

CONTOH :

(Am 233 - Pn. 1/2008)
(Am 233 - Amendment 1/2008)

JADUAL PERTAMA
FIRST SCHEDULE
NEGERI-NEGERI TANJAH MELAYU
STATES OF MALAYA
AKTA PENDAFTARAN PENGANGKATAN, 1952
REGISTRATION OF ADOPTION ACT 1952

SALINAN YANG DIPERAKUI BAGI CATATAN DALAM DAFTAR
CERTIFIED COPY FOR MINUTES IN THE REGISTER
(Seksyen 7, Aturan 6)
(Section 7, Rule 6)

C No. _____

Daftar Anak Angkat bagi JPI /A dalam Negeri W /N
Adoption Register for _____ in the State of _____

No Catatan No. of Entry	Tarikh, Tempat dan Negeri Lahir Kanak-kanak Date, Place and State of the Child's Birth	Nama dan Nama-Keluarga Kanak-kanak Name and Surname of the Child	Jantina Gender	Nama, Nama Keluarga, Alamat Peruh dan Pekerjaan Ibu atau Bapa Angkat Name, Surname, Full Address and Foster Mother's or Father's Occupation	Tarikh, Tempat Pendaftaran dan Nama Pendaftar Date, Registration Place and Name of the Registrar	Tandatangan Pn Registrar's Signat.
0036/2008	06/06/2006 10:00:00 AM	AL WARGANEGARA	P	1) I _____ I P _____ N 2) I _____ J P _____	13 OGOS 2008 DENAGTAD DEK(_____)AN V (P_____)A)	

Didaftarkan oleh saya pada 13 haribulan OGOS 20
Registered by me on the _____ day of _____

di _____ dan _____
at _____ and _____
di -Sama- Ibu atau Bapa Angkat.
at _____ Foster Mother or Father.

Menurut peruntukan-peruntukan Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 dan Aturan-aturan yang di bawahnya, saya memperakui bahawa yang di atas itu adalah salinan benar dan betul.
Pursuant to Registration of Adoption Act 1952 provisions and Rules made under it, I certified that the above is a true and correct copy for

No. Catatan _____ dalam Daftar Anak Angkat bagi _____ dalam Negeri _____
Entry No. _____ in the Adoption Register for _____ in the State of _____

[Borang ini dipersembahkan oleh Penguam Negara Malaysia, menurut Pembrekahan Undang-kan No. 12 tahun 1964/PN 36305-XR(22) dan RDM (D) 290.]

Contoh Sijil Kelahiran
Kanak-kanak

3.3.1 PANDUAN :


1. Pegawai perlu mengemas kini maklumat anak angkat dalam sistem HRMIS sebelum persaraan. Maklumat tanggungan perlu dilengkapkan dan dihantar bersekali semasa penghantaran data HRMIS.
2. Hanya anak angkat yang diangkat di bawah mana-mana undang bertulis berhubung pengangkatan atau di bawah mana-mana adat atau kelaziman semasa pegawai itu masih dalam perkhidmatan yang memenuhi takrifan 'anak angkat' yang dimaksudkan dalam akta.

3.3.2 PUNCA KUASA :

1. Seksyen 15 (b)(iii), Akta Pencen 1980
2. Seksyen 16 (b)(iii), Akta Pencen Pihak - Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239)
3. MyPPSM PP.1 : Persaraan dan Faedah Persaraan
4. Jadual Pertama Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952

3.4 SURAT PERMOHONAN PERSARAAN PILIHAN

CONTOH :



3.4.1 PANDUAN :

1. Tiada format/templat surat permohonan yang khusus. Sebarang format/templat boleh diguna pakai.
2. Namun demikian, surat permohonan persaraan pilihan perlu mengandungi maklumat berikut:
 - a. Menyatakan hasrat dan alasan pegawai untuk bersara pilihan;
 - b. Menyatakan cadangan tarikh persaraan yang dimohon; dan
 - c. Mendapat sokongan daripada Ketua Jabatan.

3.4.2 PUNCA KUASA :

MyPPSM, Ceraian PP.1.2.1 (Bahagian V)

3.5 SURAT SOKONGAN KETUA JABATAN

CONTOH :

 **KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
Aras 9 & 10, Blok E7, Kompleks E, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8000 8000
603-8883 2786
Laman Web : <http://humanres.moh.gov.my>

30597

Rujukan : K [redacted]
Tarikh : 08 Ogos 2023

Pengarah
[redacted]
Jabatan [redacted]
80590 JOHOR BAHRU
JOHOR

Tuan,

PERMOHONAN PERSARAAN PILIHAN SENDIRI PADA 25 FEBRUARI 2024
NAMA : [redacted]
NO. KAD PENGENALAN : [redacted]
JAWATAN : **PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)
GRED N22 (KUP)**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan surat tuan rujukan
Jl. [redacted] bertarikh 19 April 2023 adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan bahawa setelah dipertimbangkan dengan teliti, pihak
Kementerian menyokong permohonan Persaraan Pilihan Sendiri pegawai berkenaan
memandangkan jawatan yang disandang tidak disenaraikan sebagai jawatan kritikal.

3. Sehubungan itu, kerjasama pihak tuan selaku Ketua Jabatan adalah dimohon
untuk mengemukakan permohonan Persaraan Pilihan Sendiri tersebut beserta
dokumen seperti yang disenaraikan dalam **MyPPSM Ceraian PP.1.2.1 Jadual 26**
secara terus ke Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), Jabatan Perkhidmatan
Persaraan dengan sesalinan surat ke Bahagian ini untuk tujuan rekod.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,
[redacted]
[redacted]
b,
Kementerian Kesihatan Malaysia
☎ (03)8883 2759
✉ sli.normalia@moh.gov.my

SAI [redacted] SAH
M [redacted] N

UNIT PERSARAAN TERBUKA
DI TEPAK
20 AUG 2023
UNIT PERKHIDMATAN

3.5.1 PANDUAN :

1. Jika tiada surat sokongan dari Ketua Jabatan, adalah memadai dengan **minit disokong oleh Ketua Jabatan** pada surat permohonan persaraan pilihan pegawai. Perlu ada bukti cop nama dan jawatan pegawai yang menandatangani.
2. Tarikh persaraan pilihan tertakluk kepada tarikh yang disokong Ketua Jabatan.
3. Permohonan pembatalan persaraan pilihan boleh dikemukakan pegawai melalui Jabatan Mengurus sebelum tarikh persaraan berkuat kuasa. Walau bagaimanapun, pertimbangan pembatalan persaraan pilihan adalah tertakluk kepada kuasa Pengarah Bahagian Pencen.

3.5.2 PUNCA KUASA :

Jadual 26: Borang dan Dokumen Urusan Persaraan Pilihan dalam Lampiran P.P 1.2.1, Panduan Pengurusan Persaraan, Penamatan Perkhidmatan, dan Pencen

3.6 PEMBUKTIAN PERKAHWINAN

CONTOH:

PERKAWINAN
(JAIP 5)

ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM 1984
(Seksyen 24)

SURAT PERAKUAN NIKAH

Bilangan... 22/96... Tarikh Akad Nikah... 4. 1. 1997
M20. 7. 1996

No. Kebenaran Berkahwin.....

Tarikh di daftar pada H 4 P. A. M. A. 1997
M 20 J. 1996

Nama Pengantin lelaki.....
Umur... 28 7/11... No. Kad Pengenalan.....
Alamat.....

Nama Pengantin Perempuan.....
Umur... 28 7/11... No. Kad Pengenalan.....
Alamat.....

Nama Wali.....
Umur..... No. Kad Pengenalan.....
Alamat.....

Perhubungan..... ANAK

Nama Saksi—
(1).....
No. Kad Pengenalan..... Umur... 59 7/11
Alamat.....
(2).....
No. Kad Pengenalan..... Umur... 60 7/11
Alamat.....

Mas Kahwin..... RM. 101.00..... ringgit/tunai/hutang.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
In the name of Allah, the Beneficent, the Merciful.

THE ISLAMIC SOCIETY OF MILWAUKEE
4707 S. 13th Street • Milwaukee, WI. 53221 • (414) 282-1812
P.O. Box 844 • Milwaukee, WI. 53201

MARRIAGE CERTIFICATE AND CEREMONY No.-----

On the day of _____ A.D.,
and _____ 17 APRIL 1997

I, _____ representative of the Islamic Society of Milwaukee, have officiated the marriage ceremony of the following couple according to the Islamic laws and Sharia:

THE BRIDEGROOM
In the name of Allah, Most Gracious, Most Merciful:
I, _____ age 21 Yrs of _____
Milwaukee, solemnly propose to marry _____
and take her as my wife by virtue of divine laws and legal marriage, according to the Godly teachings of the Holy Qur'an, in conformity with the inspired Tradition of Muhammad, the Messenger of Allah, and with a dowry of \$ 50.00 named and agreed between us. I declare this solemn proposal before the present witnesses, praying Almighty Allah to be my witness. Allah is the best of all witnesses.

THE BRIDE
In the name of Allah, Most Gracious, Most Merciful:
I, _____ age 20 Yrs of _____
accept your solemn proposal to take me as your wife by virtue of divine laws and legal marriage, according to the Godly teachings of the Holy Qur'an, in conformity with the inspired Tradition of Muhammad, the Messenger of Allah and with the dowry as agreed upon between us. I make this declaration before the present witnesses, praying to Almighty Allah to be my witness. Allah is the best of all witnesses.

Bridegroom _____ Bride _____
Witness _____ Witness _____
Officiated by _____
Date 4/17/97 Islamic Center.

BORANG I
DAFTAR PERKAHWINAN
Akta Membarui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976
(Seksyen 25, 26, 29 dan 30; Kaedah 11)

(P. 9)

Nama penuh dan Kad Pengenalan No./ Lain-lain dokumen pengenalan	Tarikh lahir	Taraf perkahwinan	Ugama	Pekerjaan	Alamat	Nama penuh bapa
KPT: _____	17.01.1964	Belum Kahwin	Hindu	Guru	No. 23, Jalan Malaya	_____
KPT: _____	10.09.1967	Belum Kahwin	Hindu	Guru	No. 5, Jalan _____	_____

Perkahwinan ini telah diupacarkan di Jajahan Pendaftaran Nikah di _____ pada _____ hari bulan _____ 1997 menurut Perakuan Untuk Perkahwinan No. _____ /Lesen dari Ketua Menteri _____ /Akan Berkahwin mengikut seksyen 22 (3).

Di antara kami:
Di hadapan saksi: (1) Tandatanganan _____ Nama penuh _____ Kad Pengenalan No. _____
(2) Tandatanganan _____ Nama penuh _____ Kad Pengenalan No. _____

Tarikh 8.1.1997
Saya sah sebagai saksi adalah _____ surat _____

Bayaran \$15.00 (dijelaskan) RM20.

Didaftarkan oleh saya _____
Nama Pendaftar _____
Daerah Perkahwinan Petaling
Negeri Selangor Darul Ehsan.

3.6.1 PANDUAN :

1. Bagi perkahwinan **pasangan Islam** – Sijil Nikah (Mandatori bagi perkahwinan Islam yang berlaku pada dan selepas 31 Ogos 1957. Sekiranya tiada Sijil Nikah, pemohon perlu membuat cabutan perkahwinan dari Pejabat Agama di mana pasangan berkahwin). Keputusan mahkamah tidak diterima sebagai pembuktian, pasangan perlu daftarkan di pejabat agama untuk mengeluarkan sijil nikah. **Kad Nikah dan Borang Nikah juga tidak diterima sebagai bukti perkahwinan.**
2. Bagi perkahwinan **pasangan bukan Islam** - Salinan Daftar Perkahwinan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (Mandatori bagi perkahwinan Sivil yang berlaku semasa dan selepas 1 Mac 1982).
3. Bagi perkahwinan **pasangan Islam sebelum 31 Ogos 1957** dan perkahwinan **pasangan bukan Islam sebelum 1 Mac 1982**, sekiranya tiada dokumen di item 1 dan 2, dokumen gantian adalah:
 - a. Surat Akuan Sumpah Pengesahan Perkahwinan (perlu diisi oleh balu/duda sendiri & wakil lain tidak dibenarkan); dan
 - b. Sijil Lahir Anak (sebaiknya anak pertama dan tidak meletakkan tempoh maksimum untuk jarak tarikh lahir anak pertama dengan tarikh nikah yang boleh diterima).
4. Sekiranya tiada dokumen gantian bagi item 3, dokumen-dokumen lain yang perlu dikemukakan adalah:
 - a. Surat akuan sumpah seorang saksi perkahwinan; atau
 - b. Dokumen pengurusan harta yang tercatat nama balu/duda (wasiat, amanah raya, hibah atau mana-mana dokumen berkaitan); atau
 - c. Gambar perkahwinan (jika ada).
5. Sekiranya tiada sebarang dokumen pembuktian sama ada di item 3 atau item 4, dokumen-dokumen lain yang perlu dikemukakan adalah:
 - a. Surat akuan balu/duda
 - b. Semakan dokumen persaraan terdahulu yang pernah dikemukakan bagi urusan pencen terbitan
6. Bagi perkahwinan **Orang Asli** - Sijil / Pengesahan Perkahwinan daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).
